

Faktor Pelindung dalam Kalangan Remaja di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kuala Lumpur: Kajian Awal

(Protective factors of adolescents in the People's Housing Project (PPR) Kuala Lumpur: Result of a pilot study)

Noor Adilah Abdul Rashid¹

Nor Jana Saim*¹

Ezarina Zakaria¹

¹*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia*

*Corresponding author:[janasaim@ukm.edu.my]

Adolescents living in the People's Housing Project (PPR) is a group that potentially contribute to the nation's development. However most studies about adolescents living in PPR only considered them as at risk, problematic and tend to create chaos in a community. Therefore, this study aims to highlight the protective factors among adolescents living in PPR that can contribute to their positive development. This preliminary study was conducted on 30 respondents living in the People's Housing Project in PPR Kg Kerinchi, Kuala Lumpur. Data were collected using questionnaire the Resilience Youth Development Module (RYDM). The data were then analyzed by using Statistical Package Social Science (SPSS) opted to descriptive analysis to identify the level of protective factors and demographic information of the respondents. Result shows that the protective factors of the respondents is at a high level. Whereas analysis of mean value for each dimension in protective factor indicates that home assets is the highest among respondents which is 26.33. The results of this study are expected to have an impact on awareness of the stakeholders' about the importance of protective factors or external strengths that may enhance asset and positive development among adolescents especially for those who live in PPR.

Keywords: protective factors, adolescent, People's Housing Project (PPR).

Golongan remaja merupakan sumber terbesar dalam negara dan berpotensi untuk menyumbang kepada pembangunan negara. Keupayaan untuk menggembelng tenaga remaja akan menentukan kekuatan dan ketahanan pembangunan sosial, ekonomi dan politik negara. Banci penduduk pada tahun 2018, mendapati jumlah remaja dalam kumpulan umur 10 hingga 24 tahun dianggarkan sekitar 25% (8 juta) daripada jumlah penduduk Malaysia (Jabatan Perangkaan Malaysia 2018).

Menurut Nasrudin dan Azrina (2018), remaja PPR telah dikategorikan sebagai remaja berisiko oleh Kementerian Kemajuan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) disebabkan oleh suasana tempat tinggal mereka yang terdedah kepada pelbagai aktiviti berisiko dan jenayah. Bentuk kategori remaja berisiko yang diberikan ke atas diri mereka adalah disebabkan beberapa faktor. Misalnya remaja yang tinggal di dalam persekitaran yang tidak kondusif seperti di kawasan perumahan awam yang sering dikaitkan dengan kadar jenayah yang

tinggi serta lokasinya yang berhampiran dengan pusat bandar (Nor Ba' Yah et al. 2012). Golongan remaja yang tinggal di kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang masih dalam fasa awal perkembangan hidup perlu diberi perhatian serta diperkasakan memandangkan kumpulan ini juga turut berpotensi untuk menyumbang kepada pembangunan negara.

PPR merupakan perumahan kos rendah di kawasan bandar-bandar besar yang disediakan oleh kerajaan untuk disewa kepada golongan yang berpendapatan isi rumah RM 3000.00 ke bawah. Ciri-ciri PPR adalah jenis rumah bertingkat antara 5 hingga 18 tingkat di kawasan bandar-bandar besar, berkeluasan tidak kurang daripada 700 kps dan binaan yang mempunyai tiga bilik tidur, satu ruang tamu, satu ruang dapur dan juga dua ruang bilik air. Selain itu, kemudahan yang disediakan di PPR termasuk dewan orang ramai, surau, gerai makan, tadika, kemudahan OKU, taman permainan dan ruang sampah.

Kajian-kajian sebelum ini banyak memfokuskan tentang tingkah laku berisiko sedangkan latar belakang remaja tersebut kurang diberi perhatian terutamanya bagi mereka yang tinggal di PPR. Dalam kajian (Azizi & Mohd Sofie 2010; Kendra 2013; Rafidah & Izyan 2017) banyak mengetengahkan tentang tingkah laku berisiko, tingkah laku agresif dan ganas serta aktiviti berisiko seperti menonton bahan lucah, merokok, berjudi yang paling banyak dilakukan dalam kalangan remaja. Namun begitu, kajian bagaimana remaja PPR boleh berdaya tahan terhadap risiko-risiko tersebut kurang di ambil perhatian. Daya tahan ini mungkin disebabkan ada beberapa faktor seperti faktor pelindung, aset atau kekuatan luaran, seperti kajian Nor Ba' Yah et al. (2012) yang menekankan kepada aset pembangunan remaja iaitu melihat pengalaman positif dan perhubungan dari

keluarga, persekitaran sebagai komponen penting dalam membangunkan kesejahteraan golongan remaja. Menurutnya juga walaupun terdapat kajian mengenai aset pembangunan remaja di Malaysia tetapi kajian perkembangan remaja positif adalah masih lagi kurang dijalankan.

Remaja PPR terdedah kepada pelbagai pengaruh struktur seperti peluang ekonomi yang terhad, ketidakteraturan keejiran, keadaan persekitaran perumahan yang tidak sesuai sehingga boleh mendatangkan tekanan (Mohd Nasir et al. 2012). Selain itu, tinggal di kawasan yang berisiko menyebabkan golongan remaja PPR terdedah kepada pengaruh gejala yang tidak sihat dan boleh membahayakan diri mereka sendiri. Oleh yang demikian, aspek sosialisasi yang berada di persekitaran remaja berkenaan perlu diberi perhatian. Gerard dan Buehler (2004) menyatakan bahawa keluarga, rakan sebaya dan institusi sekolah merupakan antara agen sosialisasi utama kepada kehidupan remaja. Peranan persekitaran keluarga dan sosial yang positif mempunyai pengaruh yang positif kepada kehidupan remaja. Sebaliknya, persekitaran keluarga dan sosial yang negatif boleh mendorong kepada peningkatan pelbagai jenis masalah dalam kalangan remaja sehingga menjejaskan daya tahan diri mereka.

Justeru, bagi mengelakkan permasalahan dan gejala yang tidak sihat mempengaruhi golongan remaja PPR, faktor pelindung perlu dikenalpasti. Menurut Durlak (1998) faktor pelindung merupakan faktor-faktor yang dapat mengurangkan sesuatu kebarangkalian dan dapat menimbulkan kesan kepada faktor risiko. Manakala Fraser et al. (2004) mendefinisikan faktor pelindung sebagai aset dalaman dan luaran, sumber dan kekuatan yang mengubah suai serta meningkatkan kebarangkalian hasil yang positif. Kajian terdahulu mendapati bahawa golongan remaja di Malaysia lebih terdedah kepada

kelakuan jenayah dan aktiviti yang tidak bermoral sekiranya mereka yang mempunyai keluarga yang tidak berfungsi (Azzyati et al. 2013; Muhammed Sharif et al. 2012) dan mempunyai latar belakang sosioekonomi yang rendah (Mannes et al. 2005). Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti faktor pelindung dalam kalangan remaja yang tinggal di kawasan PPR agar golongan ini dapat diperkasakan dan mengurangkan risiko daripada terlibat dalam kancas gejala sosial.

Fungsi faktor pelindung rumah, sekolah, rakan sebaya, komuniti sangat penting kerana ia menyederhanakan kesan-kesan negatif yang berlaku dan sebagai penampakan dari terlibat dengan masalah atau tekanan dalam hidup. Contohnya faktor pelindung dari segi aset rumah iaitu ibu bapa memainkan peranan penting kerana berdasarkan kajian Khadijah et al. (2013) faktor utama masalah remaja adalah dari keluarga khususnya ibu bapa. Peranan ibu bapa seperti terlibat aktif dalam hubungan dengan anak-anak dan mengambil berat merupakan antara faktor pelindung yang dapat meningkatkan daya tahan remaja. Sekolah pula merupakan sistem sokongan luaran yang membantu remaja dalam menguatkan dan mengukuhkan daya menangani masalah serta bergerak ke arah matlamat yang ditentukan sendiri. Kajian telah menunjukkan hubungan yang kuat antara aspek-aspek tertentu dalam persekitaran sekolah remaja seperti kelemahan hubungan dengan guru dan pencapaian pendidikan yang kurang baik membawa kepada tingkah laku yang bermasalah (Liu 2004; Taylor & Lopez 2005).

Begitu juga dengan faktor pelindung rakan sebaya yang mana remaja pada masa kini lebih banyak menghabiskan masa dengan rakan-rakan (Kliwer & Murrelle 2007) yang menjadi sumber utama sosialisasi mereka. Hal ini mencabar autoriti dan peranan ibu bapa sebagai institusi yang

paling dekat dengan remaja akibat daripada pengaruh rakan sebaya. Manakala faktor pelindung komuniti juga merupakan konteks yang penting dalam perkembangan hidup remaja. Dapatan kajian Voisin et al. (2008) menyatakan remaja yang terdedah dengan keganasan dalam komuniti dan berada dalam komuniti yang tidak prihatin membawa kepada kelakuan yang tidak sihat. Keempat-empat faktor pelindung tersebut jelas memainkan peranan dan pengaruh sangat besar dalam menyokong pembentukan serta penyesuaian yang positif dalam diri remaja. Justeru itu, dapat dilihat bahawa individu yang mempunyai sumber yang banyak atau kuat akan mempunyai daya tahan diri yang lebih baik serta perkembangan hidup yang sejahtera.

Oleh itu, objektif utama kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti tahap faktor pelindung iaitu aset rumah, aset sekolah, aset rakan sebaya dan aset komuniti dalam kalangan remaja yang tinggal di Projek Perumahan Rakyat di sekitar Kuala Lumpur iaitu di PPR Kg Kerinchi.

Metodologi

Reka bentuk kajian

Pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif bagi menjalankan kajian ini untuk mengenalpasti tahap faktor pelindung dalam kalangan remaja di PPR. Kajian ini juga menggunakan kaedah survei dengan mengedarkan set soal selidik kepada responden. Soal selidik ini lebih praktikal dan berkesan kerana dapat mengukur ciri-ciri pemboleh ubah yang hendak diukur.

Instrumen kajian

Untuk mengukur faktor pelindung, pengkaji menggunakan soalan soal selidik *Resilience Youth Development Module (RYDM) (WestEd & CDE 2007)*. Soal selidik ini adalah sesuai untuk menentukan faktor pelindung remaja kerana bersifat

menyeluruh untuk mengukur tahap faktor pelindung iaitu mencakupi empat dimensi utama iaitu dari segi aset rumah, aset sekolah, aset rakan sebaya dan aset komuniti. Item-item faktor pelindung yang dikaji ialah termasuk keprihatinan perhubungan, jangkaan tinggi dan penglibatan bermakna dalam persekitaran rumah, sekolah, rakan sebaya dan komuniti. Item yang digunakan dalam bahagian ini berbentuk skala Likert empat mata dan pilihan jawapannya disusun mengikut kesesuaian iaitu (1) sangat tidak setuju, (2) tidak setuju, (3) setuju dan (4) sangat setuju. Instrumen ini dipilih kerana mempunyai kebolehpercayaan dengan nilai Alfa Cronbach 0.60+ dan konsistensi dalaman 0.90 (Dias dan Cadime 2017).

Responden kajian

Pengkaji telah menjalankan pengumpulan data di PPR Kg Kerinchi, Kuala Lumpur. Sampel kajian ini terdiri daripada sejumlah 30 orang remaja yang dipilih menggunakan teknik persampelan berkriteria (*criterion sampling*). Teknik ini merupakan tatacara memilih elemen sampel dengan tujuan tertentu dan melibatkan pemilihan responden yang memenuhi kriteria-kriteria penting yang

Jadual 1

Profil demografi responden

Demografi		Bilangan(N: 30)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	17	56.7
	Perempuan	13	43.3
Umur	13 tahun	12	40.0
	14 tahun	4	13.3
	15 tahun	8	26.7
	16 tahun	4	13.3
	17 tahun	1	3.30
	19 tahun	1	3.30
Agama	Islam	25	83.3
	Hindu	5	16.7
Bangsa	Melayu	25	83.3
	India	5	16.7

telah ditetapkan terlebih dahulu oleh pengkaji (Rozmi 2013). Kriteria pemilihan responden (*inclusive criteria*) adalah seperti berikut:

- I. Berpendapatan isi rumah tidak melebihi RM3856 ke atas
- II. Responden berusia 13 hingga 19 tahun

Analisis data

Data kajian ini dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 22. Analisis deskriptif digunakan untuk mengkaji tahap faktor pelindung dan maklumat demografi responden seperti umur, bangsa, jantina, pekerjaan ibu bapa dan lain-lain.

Kajian ini terhad kepada golongan remaja yang berumur 13 hingga 19 tahun sahaja. Memandangkan kajian ini hanya mengkaji tahap faktor pelindung di sebuah PPR yang terlibat sahaja, maka keputusan kajian ini tidak dapat digeneralisasikan kepada semua remaja yang tinggal di kawasan PPR.

Bilangan adik beradik	1-3 orang	8	26.7
	4-6 orang	10	33.3
	7-9 orang	11	36.7
	10-12 orang	1	3.30
Pekerjaan bapa	Tidak bekerja	6	200
	Bekerja sendiri	16	53.3
	Kerajaan	4	13.3
	Swasta	4	13.3
Pekerjaan ibu	Suri rumah	15	50.0
	Bekerja sendiri	5	16.7
	Kerajaan	9	30.0
	Swasta	1	3.30
Pendapatan ibu bapa	RM1000- RM1500	16	53.3
	RM1501- RM2000	3	10.0
	RM2001- RM2500	5	16.7
	RM2501- RM3000	2	6.70
	RM3001- RM3500	1	3.30
	RM3501- RM3855	1	3.30
	RM3856 ke atas	2	6.70

Hasil Kajian dan Perbincangan

Jadual 1 menghuraikan tentang subjek kajian yang terlibat dan analisis menunjukkan terdapat 30 orang responden yang terdiri daripada remaja yang telah terlibat memberikan maklum balas dalam kajian ini. Daripada jumlah tersebut, seramai 17 orang responden lelaki (56.7%) dan 13 orang responden perempuan (43.3%). Responden ini terdiri daripada remaja berumur 13 hingga 19 tahun. Daripada lingkungan umur tersebut, responden berumur 13 tahun adalah paling ramai iaitu 12 orang responden (40.0%), diikuti responden berumur 15 tahun iaitu 8 orang atau 26.7%. Manakala responden berumur 14 dan 16 tahun pula ada sama iaitu seramai empat orang responden atau 13.3% dan dua orang responden masing-masing berumur 17 dan 19 tahun (3.3%).

Analisis menunjukkan responden yang beragama Islam adalah seramai 25 orang (83.3%), dan lima orang (16.7%) sahaja responden yang beragama Hindu. Berdasarkan deskriptif bangsa pula menunjukkan responden Melayu adalah seramai 25 orang (83.3%) dan responden

India hanya lima orang (16.7%) sahaja. Seramai 11 orang responden (36.7%) yang mempunyai bilangan adik beradik 7 hingga 9 orang, diikuti 10 orang (33.3%) memiliki 4 hingga 6 orang adik beradik, lapan orang

(26.7%) mempunyai adik beradik 1 hingga 3 orang dan hanya seorang (3.3%) sahaja yang memiliki adik beradik antara 10 hingga 12 orang.

Seterusnya keputusan analisis pekerjaan bapa responden menunjukkan seramai 16 orang (53.3%) bekerja sendiri, 6 orang (20.0%) tidak bekerja dan seramai 4 orang (13.3%) masing-masing mewakili bekerja di sektor kerajaan dan swasta. Manakala dari segi pekerjaan ibu responden pula memperlihatkan seramai 15 orang (50.0%) adalah tidak bekerja, diikuti seramai 9 orang (30.0%) bekerja di sektor kerajaan, seramai 5 orang atau 16.7% bekerja sendiri dan seorang (3.3%) sahaja yang bekerja di sektor swasta. Seramai 16 orang responden (53.3%) mempunyai ibu bapa berpendapatan di antara RM1000 hingga RM1500, diikuti seramai 5 orang (16.7%)

yang berpendapatan RM2001 hingga RM2005, seramai 3 orang responden (10.0%) berpendapatan RM1501 hingga RM2000. Hanya seorang (3.3%) responden mempunyai ibubapa pendapatan RM3001 hingga RM3500 serta RM3501 hingga RM3855 dan akhir sekali seramai 2 orang responden (6.7%) berpendapatan sebanyak RM3856 ke atas.

Tahap faktor pelindung remaja

Tahap faktor pelindung ditentukan berdasarkan julat skor yang dibahagikan kepada tiga kategori iaitu kategori rendah, kategori sederhana dan kategori tinggi. Julat skor dikira berdasarkan kepada julat di antara markah skor minima dan markah skor maksima.

Bagi faktor pelindung dalam kalangan remaja di PPR Kg Kerinchi, keputusan analisis menunjukkan tahap faktor pelindung bagi majoriti responden adalah tinggi iaitu kekerapan seramai 22 orang (73.7%). Manakala bakinya seramai 8 orang responden (26.7%) menunjukkan tahap faktor pelindung yang sederhana. Hal ini menunjukkan bahawa majoriti remaja di kawasan PPR tersebut mempunyai faktor pelindung yang baik dan mendapat sokongan sosial yang secukupnya daripada aset rumah terutamanya ibu bapa, aset sekolah terutamanya guru-guru, aset rakan sebaya dan juga aset komuniti. Justeru hasil keputusan ini memperlihatkan bahawa tahap faktor pelindung dalam kalangan remaja secara keseluruhannya adalah berada pada tahap tinggi.

Jadual 2

Tahap Faktor Pelindung Remaja di PPR Kg Kerinchi

Tahap	Frekuensi	Peratus %
Rendah	-	-
Sederhana	8	26.7
Tinggi	22	73.3
Jumlah	30	100.0

Jadual 3

Nilai min bagi dimensi faktor pelindung

Dimensi faktor pelindung	Nilai min
Aset rumah	26.23
Keprihatinan perhubungan	8.57
Jangkaan tinggi	9.10
Penglibatan bermakna	8.57
Aset sekolah	25.80
Keprihatinan perhubungan	8.37
Jangkaan tinggi	9.17
Penglibatan bermakna	8.27
Aset rakan sebaya	17.03
Keprihatinan perhubungan	8.67

Aset komuniti	Jangkaan tinggi	8.37
		25.73
	Keprihatinan perhubungan	8.50
	Jangkaan tinggi	8.80
	Penglibatan bermakna	8.43

Menurut Bernard (1991), proses faktor pelindung dari aset rumah, sekolah, rakan sebaya dan komuniti jatuh kepada tiga kategori iaitu keprihatinan perhubungan, jangkaan tinggi serta penglibatan bermakna. Keprihatinan perhubungan bermaksud hubungan sokongan daripada orang lain dalam kehidupan remaja dan menyediakan asas bagi pembangunan yang sihat serta sejahtera. Manakala jangkaan tinggi merujuk kepada hubungan konsisten secara langsung atau tidak langsung yang diperolehi remaja dapat akan berjaya secara kebertanggungjawaban. Penglibatan bermakna pula ditakrifkan sebagai suatu penglibatan remaja dalam aktiviti-aktiviti berkaitan, tertarik dengan peluang untuk bertanggungjawab serta memberi sumbangan kepada komuniti.

Berdasarkan analisis deskriptif dalam Jadual 3, dimensi faktor pelindung yang paling tinggi dicatatkan adalah aset rumah dari segi jangkaan tinggi dengan nilai min 26.23. Apabila ibu bapa menyampaikan jangkaan dalam cara menerima, menyayang, menyokong atau erti kata lain mempunyai harapan yang sihat atau realistik, jadi remaja sering termotivasi untuk memenuhi harapan mereka. Selaras dengan jawapan responden berpendapat bahawa sokongan keluarga yang bermula dari rumah merupakan faktor pelindung kepada mereka. Dapatan kajian ini seiring dengan kajian Sheau et al. (2011), Li et al. (2007), LaFromboise et al. (2006) dan Cauce et al. (2003) yang menunjukkan bahawa sokongan keluarga merupakan faktor pelindung yang menjadi peramal kepada daya tahan remaja. Ini membuktikan terdapat faktor pelindung menerusi aset rumah. Sokongan ibu bapa berfungsi meningkatkan tahap daya tahan

remaja dan mengurangkan kesan negatif. Hubungan positif dalam keluarga akan menghindarkan remaja daripada terlibat dengan kumpulan rakan sebaya bermasalah.

Manakala dimensi aset rakan sebaya merupakan dimensi tahap faktor pelindung keempat yang paling rendah nilai min iaitu 17.03 dan kategori yang menonjol adalah keprihatinan perhubungan. Perhubungan yang penyayang, prihatin menjamin kepercayaan remaja dalam mendapatkan bantuan dan sokongan daripada rakan sebaya. Kajian Nor Zaihan (2017) mendapati faktor pelindung dari segi rakan sebaya lebih menonjol dan menyumbang kepada daya tahan dalam kalangan remaja sekolah di bandar juga luar bandar. Remaja lebih cenderung mendapatkan sokongan daripada rakan sebaya. Walaupun orang tua dan ibu bapa dilihat penting dalam budaya setempat, ia tidak semestinya menandakan remaja telah mendapat sokongan daripada mereka. Sebilangan besar remaja mudah beralih kepada rakan sebaya sebagai sumber sokongan. Dalam kajian ini, penjelasan tambahan walaupun hasil yang rendah berkaitan dengan faktor pelindung rakan sebaya boleh diambil dari perspektif pembangunan remaja. Zaman remaja adalah tempoh peralihan utama yang merupakan tempoh peralihan dari zaman kanak-kanak ke alam dewasa dan salah satu perubahan penting adalah hubungan dengan keluarga (Anderson & Dartington 1998). Remaja pada fasa perkembangan ini cenderung untuk meninggalkan zaman kanak-kanak dengan mencapai kebebasan daripada ibu bapa.

Faktor pelindung dari segi aset sekolah pula dalam kajian ini berada pada tahap kedua dengan nilai min 25.80 iaitu pada kategori jangkaan tinggi. Penemuan kajian menunjukkan bahawa faktor pelindung luaran seperti faktor sekolah dan hubungan dengan orang dewasa yang berkesan, menyokong di sekolah boleh menggalakkan daya tahan remaja (Campbell-Sills et al. 2006). Kajian yang dilakukan oleh Dass-Brailsford (2005) pula mendapati aset sekolah dan guru-guru menjadi faktor pelindung dan menyumbang kepada daya tahan mereka. Remaja menyatakan bahawa mereka menyukai guru-guru dan menjadikan guru sebagai contoh tauladan serta sumber semangat untuk belajar. Selain itu, remaja juga peka dengan kesungguhan guru besar sekolah untuk bekerja keras demi masa depan pelajar. Sekolah juga adalah tempat untuk remaja mendapatkan sokongan daripada rakan-rakan. Kecenderungan ini menggambarkan pentingnya remaja terus kekal dalam sistem persekolahan. Keciciran akademik akan mempengaruhi tahap daya tahan mereka khususnya apabila terdedah dengan faktor penggalak jenayah.

Seterusnya dari segi aset komuniti ia berada pada tahap faktor pelindung yang ketiga dalam hasil kajian ini dengan nilai min 25.73 iaitu juga pada kategori jangkaan tinggi. Aset komuniti seperti sokongan kejiwaan dan persekitaran sosial yang positif menunjukkan kedua-dua pemboleh ubah ini menjadi faktor pelindung kepada remaja (Betancourt et al. 2013). Tahap penerimaan masyarakat yang lebih tinggi dan baik adalah faktor pelindung kepada masalah luaran dan dalaman bagi remaja dalam komuniti. Sekali gus ini juga dapat mengelak daripada berlakunya jenayah dan perkara-perkara buruk dikawasan tempat tinggal.

Secara keseluruhannya, aset rumah, aset rakan sebaya, aset sekolah dan aset komuniti merupakan faktor pelindung

yang penting dalam kehidupan remaja. Sokongan daripada aset-aset ini adalah signifikan bagi memastikan remaja dapat menjalani proses perkembangan diri yang sejahtera dan terhindar daripada gejala negatif yang tidak sihat.

Rumusan

Sebagai kesimpulannya, hasil kajian ini menunjukkan bahawa tahap faktor pelindung remaja di PPR Kg. Kerinchi adalah pada tahap tinggi. Manakala nilai min bagi setiap dimensi faktor pelindung menunjukkan dimensi paling tinggi dari segi aset rumah (26.33), diikuti dimensi dari segi aset sekolah (25.80), dimensi dari segi aset komuniti (25.73) dan dimensi aset rakan sebaya (17.03). Penemuan kajian menunjukkan bahawa aset rumah merupakan aset yang paling banyak menyumbang kepada faktor pelindung remaja di PPR Kg Kerinchi.

Secara keseluruhannya, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa keempat-empat faktor pelindung iaitu dari segi aset rumah, aset sekolah, aset rakan sebaya dan aset komuniti memainkan peranan yang cukup penting dalam pembangunan positif bagi remaja di PPR. Dapatan kajian ini jelas menunjukkan faktor pelindung aset rumah menjadi faktor utama dan selaras dengan kajian Olsson et al. (2003) menyatakan faktor pelindung rumah lebih penting berbanding dengan rakan sebaya. Oleh itu, ibu bapa memainkan peranan untuk lebih melindungi anak-anak mereka supaya keselamatan yang menjadi keutamaan agar terjaga serta terjamin. Pemerksaan peranan ibu bapa dalam menjadi faktor pelindung di samping faktor-faktor yang lain perlu dipupuk kerana ia memberi pengaruh yang besar terhadap pembinaan generasi muda yang positif, berdaya tahan dan sejahtera.

Penemuan kajian ini mencadangkan agar satu kajian longitudinal dijalankan dengan menggunakan pendekatan *mix-method*. Kajian longitudinal boleh dilakukan

dengan mengkaji aspek lebih mendalam lagi yang mana dalam masa yang sama pengkaji dapat mengesan perkembangan serta perubahan ciri-ciri terhadap populasi yang sama. Skop kajian akan datang boleh memberi perhatian secara mendalam faktor pelindung bagi remaja yang tinggal di kawasan PPR di seluruh Malaysia. Kajian seperti ini penting menjadi platform asas bagi merekabentuk intervensi yang berkesan supaya remaja terlindung daripada perkara negatif. Selain itu intervensi holistik membabitkan utilisasi aset rumah, aset sekolah, aset rakan sebaya dan aset komuniti berupaya memperkasakan golongan remaja sekiranya berada di dalam persekitaran berisiko.

Rujukan

- Anderson, D. and Dartington, A. (Eds.) (1998). *Facing it Out: Clinical Perspectives on Adolescent Disturbance*. New York: Routledge.
- Azizi Yahaya & Mohd Sofie Bahari (2010). Tingkah laku berisiko. Retrieved from: <http://eprints.utm.my>.
- Azyyati Mohd Nazim, Fariza Md. Sham & Salasiah Hanin Hamjah. (2013). Ciri-ciri remaja berisiko: Kajian literatur. *ISLAMIYYAT* 35(1): 111-119.
- Betancourt, T. S., Brennan, R. T., Rubin-Smith, J., Fitzmaurice, G. M. & Gilman, S. E. (2010). Sierra Leone's Former Child Soldiers: A longitudinal study of risk, protective factors, and mental health. *Journal of the American Academy of Child and Adolescent Psychiatry* 49: 606–615.
- Benard, B. (1991). Fostering resiliency in kids: protective factors in the family, school and community. Portland, Oregon: Western Regional Center for Drug Free Schools and Communities.
- Betancourt, T. S., Meyers-Ohki, S. E., Charrow, A., & Hansen, N. (2013). Mental Health and Resilience in HIV/AIDS-Affected Children: A Review of the Literature and Recommendations for Future Research. *Journal Child Psychology and Psychiatry* 54(4): 423–444. <https://doi.org/10.1038/jid.2014.371>.
- Cauce, A.M., Stewart, A., Rodriguez, M.D., Cochran, B., & Ginzler, J. (2003). Overcoming the odds? Adolescent development in the context of urban poverty. Dlm. S.Luthar (ed). Resilience and vulnerability. Hlm 343-363. New York: Cambridge University Press.
- Campbell-Sills, L., Cohan, S.L., & Stein, M.B. (2006). Relationship of resilience to personality, coping and psychiatric symptoms in young adults. *Behavior Research and Therapy* 44: 585–599.
- Dass-Brailsford, P. (2005). Exploring resiliency: Academic achievement among disadvantaged black youth in South Africa. *South African Journal of Psychology* 33(5): 574–591.
- Dias, P. C., & Cadime, I. (2017). Protective factors and resilience in adolescents: The mediating role of self-regulation. *Psicologia Educativa* 23: 37–43.
- Durlak, J. (1998). Common risk and protective factors in successful prevention programs. *American*

- Journal of Orthopsychiatry* 68 (4):512–520.
- Dyson, T. (2010). *Population and Development: The Demographic Transition*. London & New York: Zed Books.
- Erikson, E. H. (1950). *Childhood and society*. New York, NY: WW Norton & Co.
- Fraser, M. W., Kirby, L., & Smokowski, P. (2004). Risk and resilience in childhood.
- Dlm. M.W Fraser (ed). *Risk and Resilience in Childhood: An Ecological Perspective* (pp. 13–66). Washington D.C.: National Association of Social Workers.
- Gerard, J. M., & Buehler, C. (2004). Cumulative Environmental Risk and Youth Maladjustment: *The Role of Youth Attributes* 75(6): 1832–1849.
- Hanson, T. L., & Kim, J. O. (2007). *Measuring resilience and youth development: the psychometric properties of the Healthy Kids Survey*. (Issues & Answers Report, REL 2007–No. 034). Washington, DC: U.S. Department of Education, Institute of Education Sciences, National Center for Education Evaluation and Regional Assistance, Regional Educational Laboratory West. Retrieved from <http://ies.ed.gov/ncee/edlabs>.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2018). Laporan Penduduk Mengikut Umur dan Jantina 2018. Malaysia, J. P. Putrajaya.
- Kendra, M. L., Marc, B.S., Niloofar, B., David, L. D., Joseph, D. P.J., Naida, S., Alan A., Samuel, V. & Brian, R. Flay. (2013). Problem behavior and urban, low-income youth. *American Journal of Preventive Medicine* 622-630:44(6).
- Khadijah Alavi, Mohd Suhaimi Mohamad, Salinan Nen, Fauziah Ibrahim, Suzana Mohd Hoesni & Lukman Zawawi. (2013). *Meneroka pengalaman kanak-kanak hilang & dijumpai semula di Malaysia: Ke arah pembentukan strategi intervensi dan perlindungan*. Laporan Akhir Geran UKM-Komuniti 2011-041. Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor.
- Kliwer, W. & Murrelle, L. (2007). Risk and protective factors for adolescent substance use. Findings from a study in selected Central American countries. *Journal of Adolescent Health* 40:448-455.
- LaFromboise, T. D., Hoyt, D. R., Oliver, L. & Whitbeck, L. B. (2006). Family, community and school influences on resilience among American Indian adolescents in the Upper Midwest. *Journal of Community Psychology* 34(2): 193-209.
- Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara. (2012). Family and gender. N Second population Strategic Plan Study Main Report. Kependudukan, B. Kuala Lumpur.
- Li, Susan Tinsley, Nussbaum, Karin M & Richards, Maryse H. (2007). Risk and protective factors for urban African-American youth. *Journal of Community Psychology* (39): 21-35.

- Liu, R. X. (2004). Parent-youth conflict and school delinquency/cigarette use: The moderating effects of gender and associations with achievement-oriented peers. *Sociological Inquiry* 74: 271–297.
- Mannes, M., Roehlkepartain, E.C., & Benson, P.L. (2005). Unleashing the power of community to strengthen the well-being of children, youth, and families: An asset building approach. *Child Welfare* 84(2): 233-250.
- Mohd Nasir Selamat, Fauziah Ibrahim, Salina Nen, Norulhuda Sarnon, Nasrudin Subhi, Azianura Hani Shaari, Shahrul Nazmi Sannusi & Zaizul Abdul Rahman. (2018). Keselamatan persekitaran rumah dalam kalangan remaja di kawasan program perumahan rakyat (PPR). *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space*. 14(4): 115-126.
- Muhammed Sharif Mustaffa & Suria Abd Jamil. (2012). Mengenal pasti punca-punca masalah ponteng di kalangan pelajar sekolah rendah: Satu kajian kes. *Journal of Educational Psychology & Counseling*. 6: 50-73.
- Nasrudin Subhi & Azrina Megat Mustaffa. (2018). Perkasa@ Remaja: membuka peluang buat remaja PPR. *Isejahtera*. 1(2): 27-28.
- Nor Ba'ayah Abdul Kadir, Samsudin A. Rahim, Mimi Hanida Abdul Mutalib, Wan Amizah Wan Mahmud, Sheau Tsuey Chong & Nasrudin Subhi. (2012). Development of the Self Report Measure of Assessing Developmental Assets Among at-Risk Youth in Malaysia. *Journal of Child Adolescent Social Work* 29: 391-407.
- Nor Zaihan Mat Hassan, Erne Suzila Kassim, Siti Noraini Mohd Tobi & Rosintan Safinas Munir (2017). Measuring protective factors to resilience: A study on Malaysian Young Adults. *American Scientific Publishers* 23(1): 592-595.
- Olsson, Craig A., Bond, Lyndal, Burns, Jane M., Vella-Brodrick, Dianne A., & Sawyer, Susan M. (2003). Adolescent resilience: a concept analysis. *Journal of Adolescence* 26(1): 1–11. [https://doi.org/10.1016/S0140-1971\(02\)00118-5](https://doi.org/10.1016/S0140-1971(02)00118-5).
- Rafidah Aga Mohd Jaladdin & Izyan Masli. (2017). Resilience and emotional intelligence among students in two schools at Klang Valley area. *UI Proceedings on Social Science and Humanities*. 1.
- Rozmi Ismail. (2013). *Metodologi penyelidikan: teori dan praktis*. Bangi: Penerbit UKM.
- Sheau Tsuey Chong, Samsudin Abdul Rahman, Nasrudin Subhi, Nor Ba'ayah Abdul Kadir, Kamaruzaman Jusoff, Mimi Hanida Abdul Talib, Wan Amizah Wan Mahmud, Peng Kee Chang, Rokiah Ismail, Zaidah Mustapha, Rusyda Helma Mohamed, Rozmi Ismail, Azrina Megat Mustaffa, Noraini Abdol Raop, Nor Rohaslina Yusopp & Syafarunisa Ismail. (2011). Self-integrity and family support as assets for resilient urban at-risk youth. *World Applied Sciences Journal* 12: 20-24.

- Taylor, R. D., & Lopez, E. I. (2005). Family management practice, school achievement, and problem behavior in African American adolescents: Mediating processes. *Applied Developmental Psychology* 26:39–49.
- Voisin, D.R, Neilands, T.B, Salazar, L.F, Crosby, R & DiClemente, R.J. (2008). Pathways to drug and sexual risk behaviours among detained adolescent. *Journal of Social Work Research* 32(3):147-157.
- WestEd, & CDE. (2007). Resilience and Youth Development Module & handbook. Retrieved from <http://www.wested.org/hks>